

MENGELAK KRISIS KEWANGAN ISLAM

Krisis kewangan yang melanda melibatkan kerugian amat besar yang pernah direkodkan dalam sejarah dunia. Pasaran Modal dianggarkan kerugian sebanyak USD30-35 trilion, sektor hartanah kerugian sekitar USD60 trilion dan sektor kewangan kerugian lebih USD3 trilion. Sebagai perbandingan kepada jumlah kerugian ini, kos untuk menampung bencana alam seperti gempa bumi, tsunami, taufan dan sebagainya dari tahun 1970-2007 hanya memerlukan USD745 billion. Michael Spence pemegang Anugerah Nobel Ekonomi dan Muhammad Umer Chapra pemegang Anugerah Ekonomi Islam Bank Pembangunan Islam menyatakan faktor utama krisis kewangan dunia adalah disebabkan instrumen derivative dan sekuriti. Muhammad Nejatullah Siddiqi pemenang Anugerah Antarabangsa Raja Faisal dalam Pengajian Islam bersependapat bahawa eksploitasi pasaran dan instrumen kewangan melibatkan hutang berlebihan menyumbang kepada krisis kewangan. Fenomena ini telah pun diramalkan oleh Warren Buffet, "guru" pelaburan dunia di mana beliau telah menyatakan bahawa derivative merupakan "financial weapon of mass destruction". Pandangan pakar ekonomi dunia ini secara umumnya bersepatat bahawa faktor utama krisis kewangan dunia adalah akibat daripada instrumen hutang yang berlebihan diikuti oleh spekulasi kewangan melalui instrument derivative dan sekuriti.

Secara idealnya, kewangan Islam dilihat mampu memberikan harapan bagi mengelak krisis ekonomi yang berlaku. Berdasarkan prinsip-prinsip Shari'ah yang menuntut keadilan dari segenap aspek seperti larangan *riba*, *gharar*, judi, spekulasi berlebihan menjanjikan penyelesaian kepada krisis kewangan yang berlaku. Persoalannya di sini, adakah kewangan Islam benar-benar bebas daripada segala bentuk krisis kewangan atau sebaliknya? Realitinya, terdapat juga kegagalan institusi kewangan Islam seperti Ihlas Finance di Turki dan skandal kewangan Bank Islam Dubai. Di samping itu, terdapat banyak kritikan terhadap pelaksanaan kewangan Islam yang dikatakan meniru dan mengikut rentak institusi kewangan konvensional. Muhammad Nejatullah Siddiqi, Munzir Kahf, Muhammad Umer Chapra, Mahmud El Gamal dan ramai lagi cendekiawan mengkritik hebat kewangan Islam yang dilihat gagal melunaskan tanggungjawab sosial dan memenuhi tuntutan *maqasid shari'ah* (Objektif Shari'ah).

Penulis membahagikan kritikan terhadap sektor kewangan Islam kepada tiga bahagian iaitu dari aspek struktur, sistemik dan operasi. Dari aspek struktur produk misalnya, instrumen kewangan Islam yang diamalkan diseluruh dunia didominasi produk berasaskan hutang. Ini termasuk *Tawarruq*, *Bay' al Inah*, *Murabahah* dan *Istisna'* yang mewakili lebih 80 peratus produk yang dilanggan oleh pengguna di Malaysia. Walaupun diakui tiada nas atau dalil yang menyatakan produk ini tidak boleh ditawarkan, namun implikasi ekonomi yang bakal disumbangkan melalui instrumen ini adalah hampir sama dengan apa yang berlaku pada krisis kewangan yang dihadapi. Keghairahan sesetengah institusi kewangan Islam untuk menawarkan produk derivative dan sekuriti juga menimbulkan tanda tanya sejauh manakah sektor kewangan Islam akan dapat

bertahan dan seterusnya mengelak dari krisis kewangan. Dari aspek sistemik, institusi kewangan Islam juga dilihat tidak mempunyai ruanglingkup tadbir urus korporat yang baik diikuti oleh kelemahan ruanglingkup perundangan. Hal yang sama berlaku dari aspek operasi di mana institusi kewangan Islam tidak mempunyai ruanglingkup yang komprehensif untuk mengenalpasti, meminimum dan memantau risiko-risiko yang dihadapi.

Secara umumnya, walaupun kewangan Islam dilihat sebagai satu sistem yang mampu mengelak krisis ekonomi, namun realitinya, ia tidak akan dapat berfungsi dengan baik sekiranya pelaksanaan tidak menepati nilai-nilai Islam. Institusi kewangan Islam perlu berhati-hati dalam menawarkan produk-produk kewangan Islam supaya ianya bukan sahaja sah dari segi hukum bahkan menepati kehendak *maqasid shari'ah*. Ruanglingkup tadbir urus korporat, perundangan dan operasi perlu diberikan perhatian serius bagi mengelak fenomena yang sama berlaku kepada institusi kewangan konvensional. Sektor kewangan Islam yang dijangkakan mencecah USD4 trilion dalam masa lima tahun akan datang oleh Perkhidmatan Pelaburan Moody perlu dipelihara dan dipertahankan agar ianya tidak kecundang seperti sistem kewangan konvensional sedia ada. **(Zulkifli Hasan, Universiti Durham, United Kingdom)**